

SOALAN NO. 399

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATUK HAJI SHABUDIN
BIN YAHAYA [TASEK GELUGOR]**

SOALAN :

YB Datuk Haji Shabudin Bin Yahaya [Tasek Gelugor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah kes bankrap melibatkan individu berumur 35 tahun ke bawah yang direkodkan dari tahun 2015 hingga Februari 2018 serta apakah langkah kerjasama pihak Kerajaan dengan agensi swasta bagi mendidik masyarakat berhubung risiko kebangkrapan.

228

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, statistik Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdl) menunjukkan bahawa bagi tempoh 2015 hingga 2017, seramai 14,909 orang dari golongan muda atau belia telah diisytiharkan bankrap. Daripada jumlah tersebut, seramai 293 orang atau 1.97% berumur kurang dari 25 tahun manakala 14,616 orang atau 98.03% berumur di antara 25 hingga 34 tahun.

Kerajaan sentiasa bekerjasama dengan pelbagai pihak bagi mendidik masyarakat berhubung risiko kebangkrapan. Antara inisiatif yang dilaksanakan Kerajaan adalah melalui Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi di bawah penyeliaan Bank Negara Malaysia. Program-program yang dilaksanakan menyasarkan semua golongan masyarakat dan bertujuan untuk memupuk kesedaran mengenai risiko kebangkrapan khususnya kepentingan perancangan kewangan yang baik bagi menangani masalah dari peringkat pra-kebankrapan lagi.

Sekian, terima kasih.